

UCAPAN PERASMIAN MENTERI MAJLIS PENGANUGERAHAN
SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR

Terima kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Terlebih dahulu saya ingin mengajak untuk kita sama-sama mengambil kesempatan ini menikmati keharmonian dan ketenangan kerana kita masih dapat berkumpul dalam keadaan aman sentosa di majlis yang sangat bermakna pada pagi ini.

YBhg. Puan Halimah binti Hassan Ketua Pengarah Alam Sekitar

YBhg. Dato' Hj. Sufaat bin Tumin Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Operasi Pendidikan)

Y.Berusaha Puan Hajah Kalsom binti Ibrahim Pengetua SMK Dato' Onn selaku tuan rumah majlis ini

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,

Ketua-ketua Jabatan Negeri,

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Selamat Pagi, Selamat Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

1. Pertama sekali saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Puan Halimah binti Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia kerana sudi menjemput untuk saya hadir dan merasmikan acara yang penuh bermakna pada pagi ini iaitu Majlis Penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar Tahun 2011/2012.

2. Penganjuran majlis ini memberi erti yang sangat besar kepada saya dan seluruh warga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana majlis hari ini diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Bumi Tahun 2013. Dengan tema "The Face of Climate Change", Sambutan Hari Bumi tahun ini memberi cabaran besar kepada Kementerian saya dalam memastikan komitmen negara di peringkat global dipatuhi dan dalam masa yang sama juga pertumbuhan sosioekonomi negara terus dipertingkatkan bagi memenuhi harapan rakyat ke arah negara maju dicapai. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan, Sidang Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

3. Perubahan iklim adalah fenomena sejagat yang sedang berlaku dan hakikat yang perlu difahami oleh semua lapisan masyarakat. Fenomena cuaca ekstrem dan tidak menentu ini telah mengakibatkan bencana alam seperti Ribut Tropika Greg yang membadai Sabah pada

26 Disember 1996 dan mengorbankan 238 orang, Siklon Rasty di Australia dan Taufan Sandy di Amerika Syarikat telah menyebabkan kerosakan harta benda yang besar dan juga kehilangan nyawa.

4. Memahami bahawa cabaran besar yang bakal dihadapi oleh Kementerian saya dalam isu perubahan iklim tidak boleh dilaksanakan secara unilateral, maka Malaysia semasa Persidangan Rangka Kerja Perubahan Iklim, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan Disember tahun 2012 yang lalu di Doha telah menggesa Negara-negara Maju untuk meningkatkan pengurangan pelepasan gas-gas rumah kaca dan meneruskan komitmen mereka menerusi Protokol Kyoto.

5. Bagi menzahirkan komitmen global Malaysia dalam negara pula, pelbagai usaha sedang dijalankan oleh Kerajaan bagi mencapai hasrat untuk mengurangkan pelepasan intensiti karbon sehingga 40% menjelang tahun 2020 berdasarkan tahun 2005, sebagaimana yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri dalam persidangan yang sama di Copenhagen, Denmark dalam tahun 2009. Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti pelaksanaan Akta Tenaga Boleh Diperbaharui, Low Carbon Cities Framework dan Mekanisme Feed-In Tariff bagi membantu pertumbuhan masyarakat rendah karbon di negara ini.

6. Bagi menangani masalah ini dalam jangka panjang, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri. Ini adalah untuk memastikan agar dasar, strategi dan pelaksanaan pembangunan pelbagai sektor terutama sektor tenaga, bahan buangan dan pengangkutan dapat diselaraskan sejajar dengan prinsip-prinsip pembangunan lestari.

7. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan diri saya sendiri dan semua yang hadir bahawa setiap daripada kita, mempunyai peranan yang besar dalam menangani masalah perubahan iklim ini. Dengan hanya melaksanakan aktiviti harian yang mesra alam, kita sebenarnya boleh mengurangkan pelepasan gas-gas rumah hijau secara signifikan. Sebagai contoh, kita dapat mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida sehingga 150 kilogram setahun melalui penggunaan mentol berpendaflour padat atau compact fluorescent light bulb dan mengurangkan 250 kilogram setahun pelepasan gas karbon dioksida dengan hanya menggunakan peralatan elektrik yang cekap tenaga. Di samping itu, amalan-amalan harian lain yang turut bermanfaat dalam mengurangkan pelepasan karbon termasuklah berkongsi kenderaan, memadamkan lampu, pendingin hawa, mesin fotostat dan komputer jika tidak digunakan. Penanaman pokok pula dapat meningkatkan penyerapan

karbon dioksida. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan, Sidang Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

8. Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha memajukan ekonomi negara serta meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat tanpa mengabaikan aspek pemuliharaan alam sekitar untuk merealisasikan pembangunan negara secara lestari. Dalam hal ini Kerajaan sentiasa memantau tahap kualiti udara, air sungai dan marin. Pada keseluruhannya tahap kualiti alam sekitar negara ketika ini adalah baik.

9. Usaha menangani masalah pencemaran tidak harus menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata tetapi ia perlu didokong bersama oleh semua anggota masyarakat. Setiap lapisan masyarakat tidak kira tua atau muda, miskin atau kaya, berpendidikan tinggi atau tidak, perlu berganding bahu dan bersatu tenaga. Kita hidup dalam lingkungan alam sekitar yang sama, menghirup udara yang sama, berkongsi menggunakan sumber asli yang sama.

10. Dalam hubungan yang sama dan selaras dengan pelan transformasi Jabatan bagi tahun 2013, Jabatan Alam Sekitar sedang dalam proses menjalinkan kerjasama pintar (smart partnership) dengan pihak industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan lain dalam menjalankan aktiviti kesedaran alam sekitar. Untuk itu sesi engagement dan consultation sedang giat dilaksanakan dengan semua pihak berkepentingan bagi mengenal pasti peneraju kepada program-program kesedaran pada masa hadapan.

11. Adalah menjadi harapan saya agar pelaksanaan pendekatan baharu seperti ini dapat menambah kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan mencapai situasi menang-menang (win-win situation) kepada semua pihak. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan, Sidang Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

12. Suka saya maklumkan di sini bahawa mulai tahun 2013, Jabatan Alam Sekitar akan menjalinkan kerjasama dengan NGO dan pihak swasta yang berkelayakan bagi membiayai program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar seperti ini di sekolah-sekolah terpilih dalam bentuk in-kind mahupun dalam aspek kewangan yang akan disalurkan terus kepada sekolah menerusi mekanisme 'Corporate Sosial Responsibility' (CSR).

13. Saya dimaklumkan bahawa pihak JAS sedang bekerjasama rapat dengan beberapa Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat-syarikat Multinasional (MNC) bagi menjayakan program-program kesedaran alam sekitar tertentu di bawah konsep CSR ini. Di kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Bank Rakyat yang turut memberi sumbangan dalam menjayakan majlis penganugerahan ini. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan, Sidang Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

14. Seperti para hadirin sedia maklum, pada pagi ini diadakan Penganugerahan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar Tahun 2011/2012. Saya berasa bangga dengan usaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Jabatan Alam Sekitar kerana memperkenalkan Program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar bagi melahirkan sekolah yang membudayakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Melalui pendekatan menyeluruh yang melibatkan perancangan dan penglibatan warga sekolah, pelaksanaan program Pendidikan Alam Sekitar di sekolah dapat diintegrasikan dan diperkukuhkan.

15. Pendidikan Alam Sekitar penting dalam membantu generasi muda meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Pendidikan Alam Sekitar bukan hanya dilaksanakan melalui proses pengajaran dalam bilik darjah, tetapi juga melalui penglibatan pelajar secara aktif dalam kegiatan kokurikulum. Ini penting bagi melahirkan generasi pelapis negara yang dapat menerapkan nilai-nilai murni penjagaan alam sekitar dalam setiap aktiviti atau tindakan yang diambil. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan, Sidang Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

16. Akhir kata, kepada pemenang-pemenang Sekolah Lestari -Anugerah Alam Sekitar Tahun 2011/2012, saya mengucapkan tahniah dan berharap sekolah-sekolah yang menyertai pertandingan ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan kecemerlangan pengurusan alam sekitar. Saya juga berharap program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai objektifnya bagi membantu usaha kerajaan melahirkan generasi akan datang yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan dan tanggungjawabnya kepada bumi yang satu ini.

17. Saya juga ingin menyeru semua sekolah di Malaysia dapat menyertai program ini dalam membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan alam sekitar terutamanya dalam aspek pengurusan, penghijauan, kurikulum dan kokurikulum. Besarlah harapan saya agar sekolah-sekolah di Malaysia dapat menjadi institusi yang dapat membentuk dan melahirkan masyarakat yang cintakan alam sekitar.

18. Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga Jabatan Alam Sekitar dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran Majlis pada pagi ini.

19. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar Tahun 2011/2012 sempena dengan Sambutan Hari Bumi 2013. Sekian, terima kasih.